

BAB TIGA :

MANIFESTASI SEMANGAT BUSHIDO DI DALAM PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI DI JEPUN

3.0 Pengenalan

Semangat *bushido* telah sebatи di dalam jiwa bangsa Jepun melalui proses sosialisasi. Pembaharuan Meiji pula telah menjadi perintis ke arah pemodenan Jepun dan seperti yang telah dibincangkan di dalam bab yang lalu, *bushido* telah diaplikasikan dalam bentuk yang baru oleh oligarki Meiji di Jepun. Dengan adanya semangat tersebut, maka pembaharuan Meiji ke arah mencapai matlamat *Fukoku Kyohei* (negara yang kaya dan tentera yang kuat) dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Kesannya, Jepun telah berjaya membentuk sebuah negara yang kuat dari segi militerisme yang membawa kepada perlaksanaan dasar penaklukan ke negara-negara luar.

Persoalannya sekarang ialah tentang apakah pula sumbangan semangat *bushido* dalam perkembangan ekonomi di Jepun ? Dan bagaimana pula semangat itu dapat diaplikasikan ke dalam kegiatan ekonomi sehingga mampu menjadi nadi penggerak yang amat berharga ke arah pertumbuhan pesat ekonomi di Jepun.

Bagi menghuraikan persoalan di atas, maka perlulah terlebih dahulu kita mengenal pasti bagaimana semangat *bushido* itu dapat disalurkan ke dalam kegiatan ekonomi bangsa Jepun iaitu dengan merujuk kepada rentetan sejarah perkembangan

ekonominya. Dan kemudian, membuat tinjauan tentang peralihan peranan samurai kepada sektor ekonomi dan juga tentang asal-usul penubuhan *zaibatsu* yang telah diberi amanat oleh kerajaan Jepun untuk mengawal dan meneruskan kegiatan ekonomi industri milik kerajaan.

Seterusnya kita akan meneliti pula persoalan, sejauhmanakah berkesannya pengaplikasian semangat *bushido* oleh bangsa Jepun sehingga mampu menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang pantas melalui penilaian tentang kualiti tenaga kerja masyarakat Jepun.

3.1 Sejarah Perkembangan Ekonomi Di Jepun Dan Kaitannya Dengan Asal-Usul Penubuhan Zaibatsu

Golongan *samurai* yang mendokong prinsip *bushido* sebagai teras dalam kesateriaan, juga telah memainkan peranan penting di dalam mengukir sejarah perkembangan ekonomi di Jepun. Sehubungan dengan itu, *bushido* yang masih wujud di dalam diri mereka, turut diaplikasikan ke dalam sektor ekonomi sehingga mampu berperanan sebagai pemangkin ke arah kepesatan ekonomi di Jepun.

Dalam menjelaskan tentang perkaitan semangat *bushido* dengan kepesatan ekonomi di Jepun, maka ia perlulah diuraikan berdasarkan kepada tiga perubahan dalam sejarah bangsa Jepun yang penting iaitu;

- a. Sejarah perpecahan kelas *samurai* semasa Keshogunan Tokugawa
- b. Sejarah peranan kelas saudagar dalam melemahkan sistem pentadbiran *bakufu*
- c. Kesan pentadbiran oligarki Meiji yang telah memberi ruang kepada golongan *samurai* untuk menyertai sektor ekonomi industri

3.1.1 Perpecahan Kelas Samurai Dan Peranan Saudagar Dalam Melemahkan Kerajaan Bakufu

Sistem kelas semasa pentadbiran shogun Tokugawa Golongan telah meletakkan golongan *samurai* di tahap tertinggi, manakala golongan saudagar atau *chonin* di tahap yang paling bawah. *Samurai* adalah golongan yang istimewa di zaman keshogunan Tokugawa. Mereka tinggal di bandar-bandar istana (*Jokamachi*) dan berperanan sebagai pahlawan yang memelihara keselamatan dan keamanan tuan-tuan feudal.

Kelas saudagar (*chonin*) pula adalah kelas terendah dalam struktur sosial masyarakat zaman shogun Tokugawa. Sistem *Sankin Kotai* yang diamalkan oleh shogun untuk mengawal dan menghadkan kegiatan Daimyo telah membawa ke arah perkembangan bandar-bandar seperti Edo, Osaka, Nagoya, Sendai dan juga pekan-pekan istana seperti Kagashima, Fukuoka, Tsu, Fukui, Hiroshima dan sebagainya. Kawasan tersebut telah menjadi pusat politik dan perdagangan

tempatan. Hasilnya berlaku perkembangan ekonomi berbentuk wang untuk memudahkan perlaksanaan perdagangan borong dan runcit. Keadaan ini telah menyebabkan kelas saudagar yang terlibat secara langsung dengan ekonomi di bandar mula berkuasa dan menjadi kaya. Tambahan pula kebanyakan dari mereka telah memperluaskan pelbagai jenis perniagaan seperti beras, arang batu, garam, *sake* (wain beras), barang-barang kapas dan pakaian.

Gambar 3.0. Pemandangan Istana Himeji di atas bukit Himeyama



Istana ini adalah merupakan istana yang terindah di Jepun dan siap dibina pada 1609. Pembinaannya membawa kepada pertumbuhan petempatan di sekitarnya.

Sumber : Michio Fujioka, *Japanese Castles*, (terj) John Brentnall., Japan, 1986, hlm 4-5

Selain itu, perkembangan di dalam perniagaan borong dan runcit juga telah mendorong kepada penubuhan badan peminjam wang yang telah diusahakan oleh saudagar yang kaya sebagai salah satu bentuk perniagaan baru. Justeru itu, badan ini menyediakan perkhidmatan pinjaman wang untuk dijadikan modal dalam perniagaan.

Ketika itu muncul ramai saudagar yang kaya seperti saudagar di Edo iaitu Naraya Monzaemon dan Kinokuniya Bunzaemon yang telah menjadi kontraktor kepada kerajaan Edo. Syarikat Mitsui pula telah memulakan operasi pada 1620 Masihi dengan perniagaan pajak gadai dan perniagaan kain Enchigoya di Edo.¹ Mitsui telah diusahakan oleh tiga orang pengurus yang berwibawa iaitu Masuda, Takahashi Takuma dan Nakamigawa Hirojiro. Hasilnya, syarikat Mitsui berkembang pesat dalam urusan bank, kewangan, harta tetap, perdagangan, pembinaan kapal, penyimpanan, loji keluli, perlombongan, kertas, jentera elektrik, perkakas rumah, kimia dan tekstil.

Gambar 3.1 : Gudang Barang Mitsui Di Edo



Sumber : Edwin O. Reischaver, John K. Fairbank, *East Asia, The Great Tradition*, Harvard University, 1960, hlm. 640

Selain itu, Mitsubishi pula adalah satu lagi badan perniagaan yang telah diusahakan oleh Iwasaki Yataro iaitu pegawai rendah di daerah Tosa. Beliau adalah juga dari keluarga *samurai* yang berpendidikan dan mengendalikan cawangan syarikat kapal di Tosa. Semasa kejatuhan feudalisme di Jepun dan keruntuhan pentadbiran *bakufu*, Iwasaki telah berjaya menyelamatkan aset syarikat perdagangan Tosa yang mengendalikan kapal-kapal di Pulau Shikoku iaitu bandar pelabuhan Jepun yang utama dan menubuhkan syarikatnya sendiri iaitu Mitsubishi.

Kebangkitan kelas saudagar ini telah berjaya memecahkan struktur sosial shogun Tokugawa dan begitu mementingkan sistem ekonomi berbentuk beras.

Semasa era aman, golongan *samurai* telah kehilangan peranan sebagai pahlawan. *Daimyo* pula yang terpaksa menanggung beban kewangan akibat sistem *sankin kotai* sering mengurangkan jumlah bayaran berbentuk beras kepada *samurai*. Akibatnya *samurai* tidak mampu untuk menjalani hidup mewah setaraf dengan kelasnya.

Keadaan bertambah teruk apabila *daimyo* dan *samurai* terpaksa meminjam wang dengan saudagar untuk menampung perbelanjaan hidup. Kesempitan hidup mendorong *Daimyo* untuk mengenakan cukai yang tinggi kepada petani dan sesetengah *samurai* terutamanya golongan pegawai rendah di *Han* pula terpaksa mengamalkan rasuah. Akibatnya ramai petani berasa tidak puas hati dan hilang keyakinan kepada sistem feudal.

Sebahagian daripada golongan *samurai* lebih rela menjadi *ronin* (pengembara dan hilang kesetiaan kepada tuan feudal). Di bandar-bandar pula, mereka mula menceburi sektor pekerjaan lain seperti menjadi peniaga, buruh malah ada yang menjadi perompak.

Kesempitan wang juga telah memaksa *daimyo* dan *samurai* kelas bawahan untuk menjual kelas mereka kepada golongan saudagar ataupun mengambil anak saudagar sebagai anak angkat bagi mendapatkan bayaran. Akibatnya timbul kecelaruan dalam sistem penggantian di daerah-daerah feudal seperti perselisihan

di antara Akita, Kurume, Tsushima dan Kaga berkenaan pewarisan jawatan di *Han*.

Tindakan *samurai* kelas rendah ketika itu diungkapkan sebagai “menggadaikan pedang demi wang”. Sebenarnya apa yang mereka lakukan adalah semata-mata untuk membolehkan mereka meneruskan hidup sebagai golongan terpinggir di bawah pentadbiran *Bakufu*. Dengan adanya hubungan baik dengan kelas saudagar, *samurai* kelas rendah dapat mengekalkan kedudukannya melalui bentuk sistem ekonomi yang berunsurkan wang.

Daripada penjelasan di atas, nyatahalah bahawa golongan *samurai* telah mula menceburi sektor ekonomi perniagaan. Contoh terdekat adalah sejarah penubuhan syarikat Mitsubishi seperti yang telah dijelaskan tadi. Syarikat ini kemudiannya tergolong dalam kumpulan *zaibatsu*.

3.1.2 Peralihan Golongan Samurai Ke Dalam Sektor Industri

Dalam zaman pemerintahan Meiji pula, golongan *samurai* telah sekali lagi beralih ke dalam kegiatan ekonomi yang lebih penting iaitu perindustrian. Seperti yang telah dijelaskan di dalam bab yang lalu, golongan *samurai* kelas rendah telah bertindak untuk menggulingkan kerajaan Bakufu dengan dibantu oleh golongan *chonin*. Seterusnya kerajaan pusat telah diserahkan kepada maharaja

Meiji dan golongan *samurai* muda kelas rendah ini telah menjadi oligarki Meiji di bawah badan penasihat maharaja iaitu *Satcho-Hito*.

Oligarki Meiji amat menyedari bahawa untuk mewujudkan negara yang kuat perlulah melalui modenisasi dari sektor ekonomi terutamanya yang berdasarkan industri kapitalisme seperti yang diamalkan oleh barat. Antara faktor utama ke arah modenisasi ekonomi adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang kaya selaras dengan cogankata *Fukoku Kyohei*.

Sektor pertanian pula adalah amat tidak menguntungkan kerajaan kerana Jepun tidak mempunyai kawasan tanah yang luas untuk pertanian. Tambahan pula penduduk yang semakin bertambah amat memerlukan sektor ekonomi yang lebih baik bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada seluruh penduduk. Selain dari itu, selepas pembubaran kelas *samurai* pada 1877, terdapat lebih 600 ribu orang samurai yang menjadi penganggur. Pihak kerajaan pula terpaksa memberi ganti rugi berbentuk bon kepada mereka. Keadaan ini akan membebankan pihak kerajaan. Justeru itu, diharapkan dengan adanya sektor perindustrian, maka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

Pada peringkat awal, proses pembangunan ekonomi adalah dalam sektor pertanian yang telah menyumbang 80% kepada hasil pendapatan negara semasa zaman keshogunan Tokugawa. Antaranya seperti pengeluaran teh dan sutera bagi keperluan eksport. Kerajaan juga telah menyediakan maktab latihan pertanian di

Tokyo bagi melahirkan golongan petani yang mahir. Banyak kawasan pertanian telah dibuka terutamanya di bahagian Hokkaido. Kebanyakan peneroka ketika itu adalah terdiri daripada bekas-bekas *samurai* pada zaman feudal. Menurut keterangan oleh Lockwood dalam bukunya *The Economic Development of Japan* bermaksud : "Hasil pengeluaran telah bertambah sebanyak 35-40% dalam masa setahun. Dan dengan pendapatan tersebut, kerajaan telah mebangunkan sektor perindustrian."

Revolusi perindustrian di Jepun adalah yang terpantas dalam sejarah berbanding dengan di Eropah. Dalam masa 25 tahun sahaja, negara Jepun telah beralih menjadi sebuah negara industri yang maju. Peringkat awal pembaharuan Meiji, kerajaan terpaksa membina sendiri sektor industri tanpa ada sumbangan modal oleh pengusaha tempatan dan asing. Kebanyakan usahawan tempatan adalah berfikiran konservatif dan hanya berminat kepada perniagaan tradisional sahaja. Manakala usahawan luar pula tidak berminat melabor modal kerana kurangnya kemudahan infrastuktur yang boleh menyokong ke arah pembinaan sektor industri.

Oleh itu, kerjaan telah memulakan industri pengeluaran untuk pertahanan seperti pembuatan senjata perang dan membina kapal. Contoh industri militeri terbesar pada 1870-1880 Masihi adalah limbungan kapal tentera laut di Yakusuka dan dua kilang besar membuat meriam, senapang dan peluru di Tokyo dan Osaka.

Pada 1875, pula, kerajaan menubuhkan kilang pembuatan seperti kilang pintal kapas di Nagoya, kilang benang bulu kambing di Serju, kilang simen di Fukugawa dan kilang kaca di Shinagawa. Pertumbuhan industri yang pesat itu telah memberikan peluang pekerjaan kepada kebanyakan kaum *samurai* yang sedang menganggur akibat penghapusan sistem kelas dan pengharaman menggunakan pedang sejak 1877 Masihi.

Sehubungan dengan itu, kaum *samurai* telah membawa segala prinsip dari kod *bushido* yang telah sebatи dengan budaya hidup mereka ke dalam sektor perindustrian untuk dipraktikan seperti sifat rajin, sabar dan tabah, taat kepada ketua, mengutamakan tanggungjawab atau tugas yang diberi serta memiliki disiplin diri yang tinggi. Segala pengamalan sifat di atas telah membentuk tenaga buruh yang berkualiti dan amat berguna kepada pembinaan sektor perindustrian di Jepun.

Akhirnya menjelang 1880 Masihi, jumlah industri milik kerajaan telah meningkat sehingga 52 buah kilang dari pelbagai jenis industri, 3 limbungan kapal serta 5 loji senjata. Akibat desakan terhadap tumpuan kepada pembaharuan militeri ,maka kerajaan telah menyerahkan semua industri miliknya kepada golongan usahawan yang telah tumbuh sejak zaman shogun Tokugawa lagi iaitu seperti Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo, Yasuda, Asono dan sebagainya.

3.1.3 Asal Penubuhan Zaibatsu Dan Peranannya Dalam Pembinaan Sektor Industri Di Jepun Sehingga Perang Dunia Pertama

Zai bermakna peniaga dan *batsu* pula adalah kumpulan. Justeru itu, *zaibatsu* adalah satu gabungan kumpulan perniagaan. Usahawan tersebut telah memulakan perniagaan sejak abad ke 16 lagi. Syarikat-syarikat yang terdiri daripada Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo, Yasuda dan sebagainya telah menjadi satu konglomerat ekonomi yang besar di Jepun.

Syarikat-syarikat tersebut adalah merupakan ahli kapitalis yang pada asasnya berpusat di Tokyo, Kobe dan Osaka, dengan rangkaian perniagaan berbentuk perusahaan keluarga. Mereka juga adalah terdiri daripada keturunan keluarga samurai. Dan sebahagian daripada usahawan tersebut telah mendapatkan kedudukan sebagai kelas samurai semasa era kepincangan kerajaan bakufu di mana kaum samurai terpaksa menjualkan kelas mereka dengan cara mengadakan hubungan perkahwinan dengan golongan saudagar ataupun mengambil anak saudagar sebagai anak angkat dengan tujuan untuk mendapatkan wang.

Selain empat kumpulan syarikat perniagaan yang terkenal itu, terdapat juga syarikat baru yang membentuk *zaibatsu* iaitu seperti Furukawa, Asano, Okura, Fujita, Shibusawa dan Kuhara.

Syarikat yang berupa pemilikan keluarga itu telah semakin berkembang maju terutamanya dalam sektor perbankan, perkapalan, insurans dan perkhidmatan, disamping pengeluaran dalam pelbagai jenis keperluan harian. Kumpulan usahawan ini memiliki pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan dan mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Keadaan ini telah memberi keyakinan kepada pihak kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka bagi meneruskan pengurusan sektor-sektor industri milik kerajaan di Jepun.

Tambahan pula, golongan usahawan tersebut adalah dari keturunan keluarga *samurai*, maka oligarki Meiji merasakan adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memberi peluang kepada kaum yang sama kelas dengannya dalam menceburi sektor ekonomi yang menguntungkan itu.

Akhirnya, syarikat-syarikat besar tadi membentuk satu gabungan iaitu *zaibatsu*. Dengan pembentukan *zaibatsu* maka syarikat-syarikat usahawan itu dapat bekerjasama dalam membangunkan sektor industri yang telah diamanahkan kepada mereka.

Pembentukan *zaibatsu* juga adalah dari pegangan terhadap semangat *bushido* yang masih wujud dalam diri pengurus-pengurus syarikat keluarga itu. Mengikut prinsip *bushido*, kaum *samurai* didedahkan supaya membentuk kumpulan dalam melaksanakan apa-apa tanggungjawab yang diberi. Mereka

percaya, kerja yang dilakukan secara berkumpulan adalah lebih baik daripada kerja yang dilakukan oleh individu. Dan amalan tersebut berterusan sehingga ke hari ini di mana bangsa Jepun tidak mengamalkan sikap individualistik dalam apa-apa urusan pun. Melalui penubuhan zaibatsu, syarikat-syarikat yang terlibat akan sering bekerjasama dalam mengatasi sebarang masalah dan sering bertukar pandangan untuk memperbaiki kelemahan dalam organisasi yang mereka jalankan.

Dalam memastikan sektor perindustrian berkembang maju, maka oligarki Meiji telah mengamalkan cogankata *Wakon Yosai* (semangat Jepun, teknologi Barat)². Jepun mendapat pendekatan sistematik dengan mempelajari teknologi dan kepakaran barat iaitu melalui penubuhan sekolah-sekolah latihan dalam industri, mengimport kepakaran dari barat serta mengubahsuai teknologi barat untuk dijadikan sebagai sumber penciptaan barang-barang yang baru.

Di bawah naungan *zaibatsu*, perindustrian negara berkembang bertambah pesat. Dan *zaibatsu* telah menjadi entiti ekonomi raksasa sehingga berakhirnya zaman Meiji. Selepas menang dalam peperangan Rusio-Jepun 1904-1905 dan menakluk Korea pada 1910, Jepun telah mendapat martabat yang tinggi di kalangan masyarakat dunia terutamanya bagi negara-negara di barat. Menurut Yoshihara Kunio : “As a respectable nation by the western power”³

Jepun juga telah bersekutu dengan British sejak dari 1902 lagi.⁴ Semasa Perang Dunia pertama pula, *zaibatsu* telah berjaya mengeksploitasi pasaran Britain dan perancis di Asia Tenggara ketika pihak Britain dan Perancis sedang sibuk berperang di Eropah. Barang Jepun bukan sahaja telah diperkenalkan di Asia Tenggara, malahan telah sampai juga Eropah.

Jepun yang telah berjaya membangunkan industri berunsur militeri iaitu dalam penghasilan kapal, senjata dan peluru telah menjadi pembekal senjata kepada Britain dan Perancis. Akibatnya, negara-negara ini telah mula berhutang kepada Jepun.

Ini bermakna, Perang Dunia pertama telah memberi ruang kepada perkembangan industri di Jepun terutamanya dalam sektor perkapalan, industri besi dan keluli, komunikasi dan juga barang keperluan harian seperti tekstil, teh, pinggan mangkuk dan sebagainya. Di samping itu, barang Jepun telah mula mendapat pasaran yang luas di China, Korea, Asia Tenggara, Eropah dan beberapa kawasan lain di Asia.

3.2 Kemerosotan Peranan Zaibatsu

Tinjauan mengenai kemerosotan *zaibatsu* juga penting, kerana selepas Perang Dunia Ke 2, ekonomi Jepun telah digerakkan oleh sekumpulan peniagaan yang dikenali sebagai *zaikai* tetapi dengan cara pengurusan yang berbeza dari *zaibatsu*.

Di peringkat buruh dan tenaga kerja pula mula mula beralih kepada golongan tentera yang pernah berkhidmat semasa Perang Dunia kedua tetapi telah kehilangan jawatan semasa pendudukan Amerika di Jepun. Apa yang hendak dinyatakan di sini ialah bahawa semangat *bushido* tetap kekal di dalam perkembangan sektor perindustrian di Jepun selepas Perang Dunia kedua.

Selepas Perang Dunia Kedua, Amerika telah meletakkan Jepun di bawah pentadbiran SCAP (*Supreme Commander of Allied Power*) yang diketuai oleh Douglas Mac Arthur. Pengawasan oleh SCAP adalah dari 2 September 1945 sehingga 28 April 1952.

Reformasi utama SCAP ialah membubarkan empayar Jepun, memulihkan ekonomi dan melaksanakan revolusi sosial dan budaya. Justeru itu, SCAP telah melemahkan *zaibatsu* sebagai satu hukuman kepada mereka kerana banyak memberi bantuan kepada pihak militeri dalam dasar penaklukan Jepun. Sepuluh syarikat *zaibatsu* telah dibekukan dan kemudiannya lima lagi *zaibatsu* yang terkenal termasuklah Mitsui, Mitsubishi dan Sumitomo telah dibubarkan. Kebanyakan firma pula telah dipecahkan menjadi kecil.⁵

Pada tahun 1948, jumlah bantuan SCAP ke atas Jepun melebihi 357 Juta dolar U.S. Selepas perang Dunia Kedua, ekonomi Jepun terus menjunam dan kebuluran meningkat. Pada 1952, SCAP terpaksa memperuntukkan sebanyak dua billion dollar

Amerika untuk menyediakan bekalan makanan kepada rakyat Jepun. Jumlah bantuan kewangan dari SCAP kepada Jepun terus meningkat dan diterangkan di dalam jadual berikut :

Jadual 3.0: Bantuan kewangan oleh Amerika Syarikat kepada Jepun dari tahun 1945 sehingga 1948

TAHUN	NILAI BANTUAN (US DOLLAR)
1945 – 1946	180 J
1946 – 1947	294 J
1947 – 1948	357 J

Sumber : Shields L. Frederik, *Tokyo and Washington Dilemmas of a Nature Alliance*, Livingston Books : Lexington, 1980.

Sehubungan dengan itu, pihak SCAP terpaksa membiarkan pengusaha-pengusaha kecil meneruskan semula aktiviti mereka. Sekurang-kurangnya dapat menampung perbelanjaan bagi memulihkan ekonomi negara Jepun ketika itu daripada kesan peperangan.

Amerika juga telah mengubah dasarnya ke atas Jepun apabila merasakan Jepun sebagai sebuah sekutu dan aset penting dalam perang Dingin di antara Amerika Syarikat dengan Rusia.⁶ Pembubaran pasukan militeri Jepun dengan penamatan perkhidmatan oleh tentera Jepun secara menyeluruh, telah memberi keyakinan kepada Amerika bahawa Jepun tidak akan memberi ancaman tentera yang besar kepada Amerika pada masa

hadapan. Justeru itu, Amerika menganggap Jepun sebagai sekutu yang amat berpotensi untuk dibantu. Sebagai sebahagian daripada strategi di atas, maka pembubaran *zaibatsu* telah dihentikan.

Pengusaha-pengusaha kecil telah mula tumbuh dan kemudiannya membentuk *Zaikai*. Menurut S. Prakash Sethi :- “Istilah *Zaikai* digunakan untuk menerangkan tentang kumpulan kewangan atau kumpulan perniagaan tetapi ia selalunya bermaksud peniaga besar”.⁷

Zaikai adalah juga seperti *zaibatsu* iaitu mempunyai empat organisasi perniagaan iaitu Keidanren, Nikkeiren, Nissho dan Keizai Doyukai yang telah bertanggungjawab dalam membina semula ekonomi industri di Jepun selepas Perang Dunia Kedua.⁸ *Zaikai* lebih merupakan persatuan perniagaan yang banyak memberi perhatian terhadap penyediaan khidmat nasihat serta bantuan kepada pengusaha-pengusaha baru. Oleh itu, banyak pengusaha baru muncul dan memulakan perniagaan. Contohnya *Nikkeren*, adalah persekutuan persatuan majikan Jepun yang ditubuhkan pada April 1948. Tumpuan perhatian kepada soal pengeluaran, modenisasi dan rasionalisasi dalam industri. Ia juga berperanan dalam meringankan bebanan kerajaan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pembinaan negara.

Keizai Doyukai pula adalah merupakan sebuah kelab yang terdiri daripada anggota peniaga yang muda dan berfikiran moden. Keanggotaan berasaskan hubungan peribadi. Ia berfungsi sebagai jawatankuasa yang membuat penyelidikan dan polisi bagi

menggalakkan pertumbuhan ekonomi.⁹ Manakala syarikat darpada gabungan *zaibatsu* telah bergerak sendiri dalam urusan perindustrian masing-masing.

Miyohei Shinohari iaitu pengkaji pertumbuhan ekonomi Jepun menyatakan tentang usaha syarikat Mitsui dan Mitsubishi dalam menjalankan urusan import dan eksport. Katanya : “*Between 1960-1973, 49.9% of Japan export and 62.8% of import were handle by the ten largest trading companies*”¹⁰

Jadi jelaslah bahawa, kemerosotan *zaibatsu* telah membawa kepada penubuhan *zaikai* yang juga berperanan dalam membangunkan sektor industri di Jepun tetapi dalam cara dan kaedah yang berbeza. Walaupun begitu, kelihatan bahawa semangat *bushido* masih diamalkan dalam organisasi ekonomi iaitu mementingkan kerjasama secara berkumpulan.

3.3 Pencapaian Jepun Sebagai Kuasa Besar Perindustrian

Jepun selepas Perang Dunia kedua mengalami keadaan yang begitu teruk dalam sejarah peradabannya iaitu sebanyak 3 juta orang terkorban dan 1/4 daripada kekayaan nasionalnya musnah.¹¹ Ekonomi Jepun yang disandang teguh oleh golongan *zaibatsu* terpaksa mengalami perubahan di bawah pentadbiran SCAP.

Walaupun Jepun mengalami cabaran ekonomi yang begitu parah selepas namun hari ini pertumbuhan ekonominya telah melambung mendahulu negara-negara barat.

Buktinya :

- a. pelabur Jepun telah membeli New York Skyscrapers, California Golf Courses dan Hawaiian and Australian Beach Front Resort
- b. Bridgestone pula membeli Firestone
- c. Kawasaki Steel membeli Armco
- d. Bank of Tokyo membeli Union Bank

Rentetan daripada perkembangan tadi, penulis "Turning The Table" iaitu Daniel Bursteins mengatakan bahawa : " *They opened gleaming new Greenfield factories, including a string of what have become the most modern and efficient auto plants in America*".

Buktinya syarikat Jepun telah mengatasi syarikat Amerika Syarikat iaitu senarai bank terbesar di dunia menjadi kelab eksklusif Jepun, permodalan kapital di Bursa Saham Tokyo melebihi pengumpulan modal Bursa Saham New York. Begitu juga halnya dengan cara Jepun mengemaskini struktur politik dan ekonomi di lingkungan negara timur dan Asia Tenggara tidak lagi boleh disangkal. Berikut adalah perbandingan kadar pertumbuhan ekonomi Jepun dan negara-negara barat :-

Jadual 3.1 : Perbandingan Antarabangsa Dalam Kadar Pertumbuhan Ekonomi Antara 1965-1970

NEGARA	KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI (%)
Japan	11.2 %
Amerika Syarikat	3.2 %
Jerman Barat	4.7 %
Perancis	5.6 %
Britain	2.2%

Sumber : Yutaka Kosai, Yoshitaro Ogino, *The Contemporary Japanese Economy*, (terj) Raplh Thompson, Mc Millan Press Ltd, London, 1984, hlm 84

Jelasnya dalam masa 30 tahun, Jepun telah membangunkan semula ekonominya dan menjadi negara perindustrian termaju di dunia. Perkembangan ekonominya pesat terutama dalam kadar import dan eksport. Contohnya pada 1955 : eksport Jepun US\$ 2 011 juta dan pada 1972 ialah US\$ 28 642 juta.¹²

Perkembangan ekonomi Jepun dari 1955-1970 mencapai kadar 10 peratus. Menurut Yutaka Kosai dalam *The Contemporary Japanese Economy* :- “ In Japan we now refer to these years as the hig economic growth period.”¹³ Berikut adalah jadual tentang kadar pertumbuhan ekonomi di Jepun.

Jadual 3.2: Kadar Pertumbuhan Ekonomi Jepun Dalam Peratus (%) Dari Tahun 1951 Sehingga 1970

TAHUN	KDR PERTUMBUHAN EKONOMI (%)
1951- 1955	7.6
1955 – 1960	8.5
1960 – 1965	9.8
1965 – 1970	11.2

Sumber : Yutaka Kosai, Yoshitaro Ogino, *The Contemporary Japanese Economy*, (terj) Ralph Thompson, Mc Millan Press Ltd, London, 1984, hlm 1

Menjelang abad 21, kuasa ekonomi Jepun bertambah unggul dengan pengeluaran dalam pelbagai peralatan seperti komputer, kereta, lori, kapal, robot dan mungkin juga akan menjadi pengeluar dalam bioteknologi seperti kapal angkasa. Jepun adalah pengeluar kenderaan yang terbesar iaitu seperti Toyota, Nissan, Isuzu, Mitsubishi, Honda dan sebagainya.¹⁴ Dari segi kewangan, KNK perkapita Jepun mengatasi Amerika Syarikat dan Eropah. Taraf hidup bangsa Jepun adalah yang tertinggi di dunia.

Berdasarkan perbincangan secara umum mengenai pencapaian sektor ekonomi Jepun terutamanya sektor perindustrian, nyata bahawa pertumbuhan ekonominya amat mengagumkan masyarakat dunia.

3.3.1 Tinjauan Dari Sudut Kualiti Pengurusan Dan Tenaga Kerja Di Jepun

Sebagai Faktor Utama Kejayaan Ekonominya

Sememangnya, seluruh dunia mengakui tentang kehebatan Jepun di dalam mentadbir sektor ekonominya sehingga berkembang pesat hanya dalam masa yang singkat. Jika ditinjau dari faktor luaran, Jepun bukanlah sebuah negara yang kaya dari segi sumber bahan mentah maupun sumber tenaga. Malah Jepun tidak memiliki kawasan yang luas bagi menjalankan aktiviti ekonominya.

Jumlah penduduk di Jepun hanyalah 3 peratus daripada penduduk dunia dan dengan keluasan tanah 0.3 peratus yang boleh diusahakan. Walaupun begitu, Jepun telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang terbaik sehingga menandingi negara barat yang mempunyai penduduk yang jauh lebih ramai, kawasan yang luas serta mudah untuk mendapatkan sumber bahan mentah ataupun sumber tenaga bagi menyokong sektor perindustriannya.

Takafusa Nakamura membuat penilaian tentang revolusi perindustrian di Jepun berbanding barat telah menjelaskan bahawa revolusi perindustrian di Eropah mengambil masa selama tiga abad untuk mantap tetapi di Jepun, ia berlaku hanya dalam masa tiga puluh tahun sahaja. KNK purata di Jepun meningkat sepuluh peratus setahun sejak 1951-1973 dan telah menduduki tempat kedua selepas Amerika Syarikat ketika itu.¹⁵

Dirk Pilat dalam bukunya *The Economic of Rapid Growth : The Experience of Japan and Korea*, telah menerangkan tentang faktor kejayaan Jepun dalam membangunkan sektor ekonominya iaitu dari aspek dalaman yang dilihat dari segi sifat dan budaya hidup bangsa Jepun sendiri dan juga dari aspek luaran seperti kadar pelabur asing yang tinggi dan perolehan teknologi dari luar negara.¹⁶

Prof. Madya Nik Mustafa dalam kertas kerjanya bertajuk “*Pemikiran Ekonomi Islam : Masalah dan Cabaran Masa kini*” telah juga menyebut tentang ciri-ciri dalaman yang menjadikan Jepun maju dari segi ekonominya sebagai panduan bagi negara-negara lain iaitu¹⁷ :

- a. Prioriti kepada kuantiti
- b. Pengendalian kerja berlandaskan muafakat
- c. Bermasyarakat dalam menjalankan tugas
- d. Menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja dan keluarga
- e. Pendekatan menguasai pasaran
- f. Mewujudkan suasana yang intim di antara sekitar kerajaan dan swasta
- g. Tingkat disiplin yang tinggi dan perhatian kepada kemajuan teknologi.

Laporan oleh Andrew Dougherty tentang Jepun pada tahun 2000 menjelaskan bahawa :

*"The Japanese economic strategy is clear. They are investing virtually all of their profits and energy to commercialize new technologies, develop new markets, improve efficiency and expand investments around the world in preparation for the next phase in economic domination."*¹⁸

Yoshihara Kunio pula menyifatkan bahawa untuk mencapai kejayaan terutamanya dalam sektor ekonomi, maka masyarakat yang mendokongnya perlulah berkualiti. Menurutnya :-

*"The economic development of a country is greatly influenced by the quality of its people. Needless to say, a country develops faster if its people are frugal, hard working, and well educated...the work ethic, attitude towards consumption, and level of education of Japanese people in particular, as the organization which produce such human qualities"*¹⁹

Kualiti yang dimaksudkan itu, perlulah dinilai dari segi diri individu itu sendiri terutamanya pembentukan disiplin diri seperti rajin, sabar, bertanggungjawab, berani menanggung risiko, berjimat cermat dan memiliki semangat berkumpulan yang tinggi. Dengan sifat sebegitu maka segala pengurusan dalam sektor ekonomi dapat dilaksanakan dengan baik terutamanya oleh golongan pengurus dan juga kumpulan buruh.

Ekonomi Jepun telah mencapai tahap pemodenan pada zaman pemulihan Meiji iaitu dengan bermulanya perkembangan sektor industri dan penggunaan teknologi dari luar akibat dari pembaharuan Meiji yang telah menamatkan dasar isolasi di Jepun.

Golongan zaibatsu yang mewarisi sifat kepahlawanan semasa melalui zaman keshogunan Tokugawa telah diberi keyakinan oleh kerajaan untuk menguruskan sektor industri. Justeru itu, golongan ini telah membawa bersama sifat dan semangat kepahlawanan yang mereka miliki ke dalam sektor industri yang baru tumbuh dan mula berkembang.

Perkembangan sektor industri juga telah membawa pengaliran masuk kaum samurai ke dalam sektor ekonomi bercorak industri akibat keruntuhan dalam sistem kelas. Beratus ribu samurai telah menjadi buruh di kilang-kilang. Oleh itu, secara tidak langsung, semangat bushido telah juga turut diaplikasikan ke dalam sektor pekerjaan baru yang mereka lakukan.

Perang Dunia kedua membawa banyak kehancuran terhadap ekonomi Jepun. Walaupun begitu, bangsa Jepun memang telah dikenali sebagai bangsa yang tidak mudah mengalah dan amat kuat dari segi semangat dalaman, akhirnya ekonomi Jepun dibangunkan sekali lagi dalam bentuk yang baru. Meskipun *zaibatsu* telah berpecah, namun pengurusan syarikat tetap mengaplikasikan semangat *bushido* dalam pengurusan masing-masing.

Kemudiannya, selepas Perang Dunia Kedua telah berlaku reformasi SCAP yang telah meruntuhkan pasukan militeri Jepun sehingga menyebabkan 2 juta tentera menganggur. Penubuhan semula sektor industri di Jepun selepas pentadbiran SCAP telah memberi ruang untuk pengaliran masuk golongan bekas

tentera itu ke dalam sektor industri sebagai buruh. Justeru itu, sekali lagi menampakkan pengaplikasian semangat Bushido yang dibawa oleh bekas golongan tentera ke dalam sektor ekonomi di Jepun.

3.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa faktor yang mendorong kejayaan ekonomi di Jepun adalah sifat masyarakat yang berkualiti hasil dari pengamalan semangat *bushido*. Walaupun terdapat juga faktor lain dalam menyumbang kepada kejayaan ekonomi Jepun seperti penggunaan teknologi yang lebih baik dalam industri, sumbangan modal oleh pelabur asing dan hubungan antarabangsa yang baik, namun segalanya juga dibentuk dari pengaplikasian semangat *bushido* oleh pihak pemimpinnya.

Di era pembaharuan Meiji, oligarki telah melaksanakan pembaharuan bagi mencapai pembentukan negara yang kaya dan kuat dari ketenteraan. Semuanya dilaksanakan dengan satu tujuan utama iaitu untuk menaikkan imej dan meluaskan kuasa maharajanya sebagai ketua negara. Situasi ini, adalah juga atas dasar penerapan semangat *bushido*.

Nota hujung

-
- ¹ Edwin O. Reischauer, John K. Fairbank, *East Asia The Great Tradition*, Harvard University, 1962, hlm. 641
- ² Charles J. Mc Millan, *Sistem Perindustrian Jepun*, (terj) Nazlifa Md. Ali, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 13
- ³ Yoshihara Kunio, *Japanese Economy development*, Third Edition Oxford University Press, New York, 1994, hlm. 16
- ⁴ N. Rajendra dan V. Rajendra, *Tawarikh Dunia*, (terj) Hamidah Shamsuddin, Longman Malaysia, Kuala Lumpur, 1978, hlm 120
- ⁵ Shields L. Frederik, *Tokyo and Washington Dilemmes of a Nature*, Alliance, livington Books : Lexington, 1980, hlm. 70
- ⁶ M. Rajenderan, *Sejarah Jepun*, Arena Buku Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988, hlm. 198
- ⁷ Sethi S. Prakash, *Japanese Business and Social Conflict*, Ballinger Publishing Company, Cambridge, 1988, hlm. 34
- ⁸ Masaaki Imai and Paul Norbury, *The Japanese Businessman*, London: Associated Bussiness Programmes Ltd, 1975, hlm 50-51
- ⁹ Masaaki Imai and Paul Norbury, *The Japanese Businessman*, Associated Business Programmes Ltd, London, 1975, hlm. 50-51
- ¹⁰ Miyohei Shinohara, *Industrial Growth, Trade and Dynamic Patterns in the Japanese Economy*, Japan University of Tokyo Press, 1982, hlm 3
- ¹¹ Tatatoshi Ito, *The Japanese Economy*, Massa Chusetts Institut of Tecnology, Cambridge, 1994, hlm. 54
- ¹² Haruko Fukuda, *Japan and World Trade : The Years A head*, Westmead, Saxon House, D.C. Heath Ltd., England, 1973, hlm. 4
- ¹³ Yutaka Kosai & Yashitaro Ogino, *The Contemporary Japanese Economy*, Mac Millan Press Ltd., London, 1984, hlm. 1
- ¹⁴ Horoya Ueno, Hiromichi Muto, The Automobil Industry of Japan, Kazuo Sato (ed.), dlm; *Industry and Business in Japan*, Croom Helm Ltd., London ,1980, hlm. 156
- ¹⁵ Takafusa Nakamura, *Pembangunan Ekonomi Negeri Jepun moden*, (terj.), Kementerian Hal ehwal Luar negeri, negeri jepun, Singapura, 1985, hlm. 75
- ¹⁶ Dirk Pilat, *The Economic of Rapid Growth : The Experience of Japan and Korea*, Edward Elger Publishing Limited, England, 1994, hlm. 43-46
- ¹⁷ Prof. Madya Nik Mustafa Hj Nik Hassan, *Pemikiran Ekonomi Islam : Masalah dan cabaran masa kini*, Kertas Kerja Seminar Ekonomi di Fakulti Akedemi Islam, Universiti Malaya pada 9 Disember 1995
- ¹⁸ Adrew Dougherty, *Japan 2000*, Unpublished Draft, 1991
- ¹⁹ Yoshihara Kunio, Op. Cit.,hlm 130